

**PEMAKAIAN TIMBANG TARA
DALAM INDUSTRI BINAAN
DARI PERSPEKTIF KERAJAAN DI MALAYSIA**

Oleh


NIK NUR HALMEZA BINTI NIK MOHD HALMI

Tesis ini diserahkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan syarat-syarat bagi mendapat gelaran Ijazah Sarjana Pengurusan Projek

MEI 2007

PERAKUAN

Tesis yang disempurnakan dalam kajian ilmiah ini adalah bagi memenuhi syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Projek, Universiti Sains Malaysia. Tesis ini adalah hasil penyelidikan saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Tesis ini belum pernah diserahkan atau diterima sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi memenuhi sebarang syarat Ijazah dan pada masa ini tidak dikemukakan untuk mana-mana ijazah lain.



NIK NUR HALMEZA BINTI NIK MOHD HALMI
S-RM 09/03-2
800304-03-5284
April 2007

Disahkan oleh:



(Prof. Madya Abdul Aziz Hussin)
Penyelia

Penyelia Kedua

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
April 2007

Terima kasih ku tujukan khas buat mereka yang tercinta.....

Suamiku Ahmad Shahril yang sentiasa membantu dan memahami....

Anakku Nur Salihatunnisa' yang keletahnya mencerikan.....

Para pensyarahku yang banyak berbakti dan mencurahkan ilmu...

Mama dan papaku....

Ma dan abah mertuaku...

Adik-adikku Abe, Achik dan Adik...

Adik-adik iparku Siti, Kinah, Faiz, Eby dan Kudin...

Cik, Tuk dan Che...

Cik Nah dan keluarga, Cik Dah dan Pakcik Zaid sekeluarga, Mok Ngoh dan keluarga, Cik Lan dan Cik Diah sekeluarga...

Seluruh ahli keluarga....

Keluarga Primakos dan ZMS....

Sahabat-sahabatku....

Atas pengorbanan dan sokongan material dan spiritual mereka selama ini.....

Nik Nur Halmeza, April 2007

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia-Nya maka kajian ilmiah ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia untuk kajian ilmiah ini, Prof. Madya Abdul Aziz Hussin segala bimbingan, tunjukajar, pandangan dan cadangan sepanjang penyediaan kajian ilmiah ini.

Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Dr. Abdul Hamid Kadir Pakir dan para pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (PPPBP) yang telah memberi dorongan dan panduan dari segi motivasi, idea dan maklumat dalam menjayakan penyelidikan kajian ini.

Ribuan terima kasih kepada Encik Amran Mohd Majid dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Puan Nor Mazidah Jusoh dari Tabung Haji Technologies (THT), Encik Mohd Zaid Zakaria dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) yang sudi memberikan bantuan semasa menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih tidak terhingga juga kepada responden-responden dari JKR, THT dan LPIPM yang sudi meluangkan masa dan tenaga untuk memberikan maklumat yang begitu penting dalam proses kajian penyelidikan ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada suami, keluarga dan rakan seperjuangan yang tidak jemu-jemu memberikan idea serta cadangan yang bernas.

Sekian, wassalam.

Nik Nur Halmeza binti Nik Mohd Halmi
PBP, USM
April 2007

ABSTRAK

Pembangunan sesebuah projek yang begitu kompleks memungkinkan berlaku konflik serta pertikaian. Dalam persekitaran industri binaan di Malaysia, kini terdapat pelbagai alternatif penyelesaian pertikaian seperti adjudikasi, mediasi, timbang tara dan sebagainya. Namun bagi badan-badan kerajaan di Malaysia yang terlibat dalam kontrak kerajaan, kaedah rujukan kepada timbang tara adalah digunapakai sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif tunggal iaitu pilihan tunggal selain pendakwaan di mahkamah dan ini termaktub di bawah syarat-syarat kontrak kerajaan iaitu Format Kontrak Seragam JKR. Timbang tara ini telah dikawal di bawah Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646).

Jadi, kajian penyelidikan ini bertujuan untuk mengupas berkenaan isu timbang tara khususnya yang merangkumi sejauhmana pengetahuan dan keberkesanan timbang tara dalam industri binaan di Malaysia dari perspektif kerajaan. Kajian literatur telah mengupas berkenaan timbang tara dari segi definisi, kepentingan, kebaikan dan keburukan, peruntukan timbang tara dalam format seragam kontrak dan dalam akta serta kunci kejayaan timbang tara. Satu soal selidik dan temubual telah dijalankan untuk mendapatkan penemuan tentang isu yang dikaji. Hasil penemuan kajian telah dicapai iaitu timbang tara bukan merupakan kaedah alternatif terbaik dalam penyelesaian pertikaian dalam badan kerajaan yang terlibat dalam industri binaan di Malaysia tetapi ia masih dipertahankan kerana kaedah ini dapat menjaga kerahsiaan pihak-pihak dalam kontrak yang bertikai.

Diharapkan, kajian penyelidikan ini dapat mendedahkan fakta sebenar tentang timbang tara dan menggalakkan kajian lebih lanjut untuk menambahbaik sistem timbang tara serta mengkaji kaedah lain yang lebih efektif.

ABSTRACT

A project development that in nature are complex may caused any conflict or dispute. In Malaysian construction industry, there are variety of alternative dispute resolution such as adjudication, mediation, arbitration and etc. The government bodies involved in Malaysian construction industry, has implement the arbitration as only alternative dispute resolution and it been stated in JKR Standard Form of Contract. The arbitration practice and procedure is controlled under Arbitration Act 2005 (Act 646). So, this purpose of research is to reveal the issue of arbitration in Malaysian construction industry especially the issue on the knowledge and effectiveness of arbitration in government bodies that involved in the industry. Literature review has focuses on the definition of arbitration, their importance and benefit, pros and cons, the provision of arbitration in standard form of contract and in the act and the success factor of arbitration. In order to achieve the purpose of this research, a survey was conducted. The findings shows that the arbitration actually not the best alternative dispute resolution but the government bodies still apply it because the purpose of the secrecy of contract.

As a conclusion, hopefully this research has reveal the real fact about arbitration in Malaysian construction industry on government's perspective and it will encourage more further research to make improvement on arbitration and also to find another more effective alternative dispute resolution.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT	
TAJUK KAJIAN ILMIAH	i	
PERAKUAN	ii	
PENGHARGAAN	iv	
ABSTRAK	v	
ABSTRACT	vi	
ISI KANDUNGAN	vii	
SENARAI RAJAH	xi	
SENARAI JADUAL	xiii	
SENARAI LAMPIRAN	xv	
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xvi	
BAB 1 : PENGENALAN		
1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	PERNYATAAN MASALAH	4
1.3	PERSOALAN KAJIAN PENYELIDIKAN	4
1.4	OBJEKTIF KAJIAN PENYELIDIKAN	5
1.5	SKOP KAJIAN PENYELIDIKAN	6
1.6	METODOLOGI KAJIAN PENYELIDIKAN	6
1.7	BATASAN DAN MASALAH KAJIAN PENYELIDIKAN	8
BAB 2 : KAJIAN LITERATUR		
2.1	PENDAHULUAN	
	2.1.1 Industri Pembinaan Secara Umum dan Timbang Tara	10
	2.1.2 Kaedah Penyelesaian Konflik Dalam Industri Pembinaan	
	2.1.2.1 Pendakwaan di Mahkamah	13
	2.1.2.2 Perundingan	13
	2.1.2.3 Mediasi	13
	2.1.2.4 Pemutusan oleh Badan Kehakiman (Adjudikasi)	13
	2.1.2.5 Keputusan Pakar	14
	2.1.2.6 Perbicaraan Mini	14
	2.1.2.7 Hibrid Resolusi Pertikaian Alternatif (HRPA)	15
	2.1.2.8 Badan Penilaian Pertikaian (BPP)	15
	2.1.2.9 Penasihat Resolusi Pertikaian (PRP)	16
2.2	DEFINISI TIMBANG TARA	17
2.3	DEFINISI PENIMBANGTARA	18
2.4	TIMBANG TARA DALAM FORMAT SERAGAM KONTRAK JKR 203 DAN JKR 203(A)	18
2.5	TIMBANG TARA DALAM AKTA TIMBANG TARA 2005 (AKTA 646)	21

ISI KANDUNGAN (samb.)

PERKARA	MUKA SURAT	
2.6	PRAKTIS DAN PROSEDUR TIMBANG TARA DI MALAYSIA	
2.6.1	Perjanjian Timbang Tara	22
2.6.2	Perlantikan Timbang Tara	24
2.6.3	Permulaan Prosiding	26
2.6.4	Pernyataan Tuntutan dan Pembelaan	26
2.6.5	Penentuan Kaedah Tatacara	27
2.6.6	Pendengaran (Hearing)	28
2.6.7	Keputusan	29
2.6.8	Penyelesaian	30
2.6.9	Award	30
2.6.10	Penamatan Prosiding	31
2.7	KEPENTINGAN KAEDAH RUJUKAN KEPADA TIMBANG TARA	32
2.8	KEBAIKAN KAEDAH RUJUKAN KEPADA TIMBANG TARA	33
2.9	MASALAH DAN HALANGAN KAEDAH RUJUKAN KEPADA TIMBANG TARA	35
2.10	KUNCI KEJAYAAN PRAKTIS RUJUKAN KEPADA TIMBANG TARA	
2.10.1	Pengurusan	38
2.10.2	Persediaan	38
2.10.3	Penglibatan Klien	39
2.10.4	Peguam	39
2.10.5	Kawalan oleh Penimbangtara	40
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		
3.1	PENDAHULUAN	41
3.2	DEFINISI PENYELIDIKAN	41
3.3	KATEGORI PENYELIDIKAN	42
3.4	PERINGKAT-PERINGKAT KAJIAN	
3.4.1	Peringkat Pertama: Memperolehi Maklumat Tentang Prosedur dan Perkara Berkaitan Timbangtara daripada Sumber-Sumber Sekunder.	43
3.4.2	Peringkat Kedua: Pembentukan Borang Soal Selidik	44
3.4.3	Peringkat Ketiga: Temubual	46
3.5	KAEDAH PENDEKATAN ANALISIS	
3.5.1	Analisis Statistik Frekuensi (<i>Statistical Frequency Analysis</i>)	47
3.5.2	Analisis Skala Likert	48
3.6	KESIMPULAN	50

ISI KANDUNGAN (samb.)

PERKARA	MUKA SURAT
BAB 4 : ANALISIS KAJIAN DAN PENEMUAN	
4.1 PENDAHULUAN	51
4.2 ANALISIS SOAL SELIDIK	
4.2.1 Bahagian A: Latarbelakang Responden	
4.2.1.1 Bilangan dan Peratusan Responden	52
4.2.1.2 Jawatan Responden	53
4.2.1.3 Latarbelakang Akademik Responden	55
4.2.1.4 Pengalaman Kerja dan Akademik Responden	56
4.2.2 Bahagian B: Pengetahuan Tentang Praktis dan Prosedur Timbang Tara dalam Industri Binaan di Malaysia	
4.2.2.1 Pengetahuan Tentang Terma Timbang Tara	59
4.2.2.2 Pengetahuan Tentang Praktis dan Prosedur Timbang Tara	60
4.2.2.3 Penglibatan Dalam Praktis dan Prosedur Timbang Tara	61
4.2.3 Bahagian C: Kebolehan, Ke kerap an dan Keberkesanan Pemakaian Timbang Tara dalam Industri Binaan di Malaysia	
4.2.3.1 Pelaksanaan Timbang Tara	63
4.2.3.2 Keberkesanan Timbang Tara	64
4.2.3.3 Ke kerap an Pelaksanaan Timbang Tara	65
4.2.4 Bahagian D: Kepentingan dan Kelebihan Timbang Tara dalam Industri Binaan Di Malaysia	
4.2.4.1 Kepentingan Timbang Tara	67
4.2.4.2 Kelebihan Timbang Tara Sebagai Alternatif Utama Penyelesaian Pertikaian	68
4.2.5 Bahagian E: Permasalahan dan Halangan yang Timbul dari Timbang Tara dalam Industri Binaan di Malaysia	
4.2.5.1 Keupayaan Timbang Tara	70
4.2.5.2 Masalah dan Halangan Timbang Tara	71
4.2.5.3 Cadangan Memperbaiki dan Menambahnilai Prosedur dan Pelaksanaan Timbang Tara	73
4.2.5.4 Cadangan Tambahan Responden Dalam Memperbaiki dan Menambahnilai Prosedur dan Pelaksanaan Timbang Tara	74
4.3 ANALISIS TEMUBUAL	
4.3.1 Wakil JKR	76
4.3.2 Wakil THT	83
4.4 KESIMPULAN PENEMUAN	90

ISI KANDUNGAN (samb.)

PERKARA	MUKASURAT
BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 PENDAHULUAN	98
5.2 KESIMPULAN HASIL KAJIAN	
5.2.1 Kajian Literatur	98
5.2.2 Penyelidikan Lapangan	101
5.2.3 Rumusan Keseluruhan	101
5.3 CADANGAN KAJIAN	103
5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	105
BIBLIOGRAFI	106
LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Carta alir cadangan pendekatan kajian	9
Rajah 4.1	Carta pai menunjukkan peratusan responden mengikut kumpulan	53
Rajah 4.2	Carta pai menunjukkan peratusan responden mengikut jawatan	54
Rajah 4.3	Carta pai menunjukkan peratusan responden mengikut latarbelakang akademik	55
Rajah 4.4	Carta pai menunjukkan peratusan responden mengikut pengalaman kerja	57
Rajah 4.5	Carta pai menunjukkan peratusan responden mengikut pengalaman dalam industri binaan	58
Rajah 4.6	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden terhadap andaian yang mereka mengetahui tentang terma timbang tara dengan baik	60
Rajah 4.7	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden terhadap andaian yang mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang praktis dan prosedur timbang tara dalam industri binaan di Malaysia	61
Rajah 4.8	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden terhadap andaian yang mereka pernah terlibat dalam praktis dan prosedur timbang tara dalam industri binaan di Malaysia	62
Rajah 4.9	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden tentang timbang tara dapat dilaksanakan dengan baik dalam industri binaan di Malaysia	63
Rajah 4.10	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden tentang timbang tara berkesan dalam menyelesaikan pertikaian dalam industri binaan di Malaysia	64

SENARAI RAJAH (samb.)

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 4.11	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden tentang kekerapan pelaksanaan timbang tara menandakan timbang tara adalah pilihan penyelesaian pertikaian terbaik dalam industri binaan di Malaysia	66
Rajah 4.12	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden yang timbang tara sangat penting dalam penyelesaian pertikaian dalam kontrak kerajaan di Malaysia	68
Rajah 4.13	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden yang pemakaian timbang tara dalam industri binaan di Malaysia mempunyai kelebihan dan berjaya sebagai alternatif utama dalam penyelesaian pertikaian dalam industri binaan di Malaysia berbanding pilihan yang lain	69
Rajah 4.14	Carta pai menunjukkan peratusan pendapat responden yang timbang tara dalam industri binaan di Malaysia tidak mempunyai masalah dan halangan dalam prosedur atau pelaksanaannya	71
Rajah 4.15	Peratusan menunjukkan masalah dan halangan kepada prosedur dan pelaksanaan timbang tara	72
Rajah 4.16	Peratusan menunjukkan cadangan memperbaiki dan menambahnilai prosedur dan pelaksanaan timbang tara dalam industri binaan di Malaysia	74
Rajah 4.17	Carta alir menunjukkan prosedur rujukan kepada timbang tara bagi kontrak kerajaan di bawah peruntukan Format Seragam Kontrak JKR	78

SENARAI JADUAL (samb.)

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 4.13	Pendapat responden yang pemakaian timbang tara dalam industri binaan di Malaysia mempunyai kelebihan dan berjaya sebagai alternatif utama dalam penyelesaian pertikaian dalam industri binaan di Malaysia berbanding pilihan yang lain	68
Jadual 4.14	Pendapat responden yang timbang tara dalam industri binaan di Malaysia tidak mempunyai masalah dan halangan dalam prosedur atau pelaksanaannya	70
Jadual 4.15	Pendapat responden terhadap masalah dan halangan kepada prosedur dan pelaksanaan timbang tara	71
Jadual 4.16	Pendapat responden tentang cadangan untuk memperbaiki dan menambah nilai prosedur dan pelaksanaan timbang tara dalam industri binaan di Malaysia	73
Jadual 4.17	Kesimpulan skor kecenderungan jawapan responden	90

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
1	Borang Soal Selidik
2	Borang Temubual

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

Singkatan	Nama Penuh
JKR	Jabatan Kerja Raya
LPIPM	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
THT	Tabung Haji Technologies
Samb.	sambungan

BAB 1: PENGENALAN

BAB 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dalam industri pembinaan dan perniagaan yang lain, yang melibatkan lebih daripada satu pihak biasanya akan timbul pertikaian. Kajian-kajian oleh penulis-penulis seperti Sundra Rajoo (2003) dan Wragge & Co. (2004) telah membuat kesimpulan bahawa pertikaian secara tipikalnya timbul apabila pihak-pihak tidak bersetuju dalam sesuatu perkara. Firma guaman Wragge & Co.(U.K.)(ICCL) (2004) seterusnya ada membuat beberapa rumusan jenis atau bentuk pertikaian. Manakala Sheridan (2003) pula merumuskan bahawa, sesuatu pertikaian atau perbezaan, sama ada di bawah terma perjanjian timbang tara (atau fasal timbang tara), atau, ianya dikemukakan di bawah seksyen 9 Akta Timbang Tara 1998 (UK), adalah berbangkit apabila wujud situasi-situasi atau perkara-perkara berikut, iaitu:

Pertama, satu pihak mengemukakan tuntutan di mana pihak yang satu lagi tahu apa yang dibangkitkan itu; dan

Kedua, bahawa pihak yang satu lagi itu sama ada mempertikaikan atau menolak tuntutan itu, atau tidak memperdulikannya, atau berdolak-dalih mengenainya.

Sejak akhir-akhir ini terdapat arah aliran pihak-pihak yang bertikai, terutamanya mengenai hal ehwal kontrak dalam bidang membekal barangan, membuat kerja-kerja pembinaan, insurans, jual beli dan seumpamanya, merujuk pertikaian mereka kepada timbang tara. Ini merupakan alternatif kepada prosiding selain membawanya terus kepada mahkamah untuk diselesaikan (Abdul Aziz Hussin, 1992).

Oon (2003), merumuskan bahawa pertikaian dalam industri pembinaan adalah luas dan boleh melibatkan klien, kontraktor dan pelbagai pakar runding, dan ia melibatkan perbezaan pendapat yang melibatkan sama ada kerja yang mengandungi perubahan kerja, penilaiannya, hak lanjutan masa pelaksanaan, kuantitinya, bayaran kemajuan kerja (termasuk perakuan bayaran), pelaksanaan kuasa pihak-pihak, kelewatan kerja, keperluan maklumat, dan lain-lain lagi.

Terdapat beberapa pengkaji dan penulis yang membuat pemecahan bentuk, klasifikasi dan jenis pertikaian yang sering berlaku di dalam industri pembinaan. Xavier (1995) misalnya ada menyatakan bahawa ketidaksetujuan pihak-pihak atas arahan yang disalahertikan boleh membawa kepada pertikaian. Begitu juga terma kontrak yang tidak jelas atau samar-samar akan membawa kepada pertikaian. Pertikaian juga berlaku mengenai persoalan-persoalan teknikal, misalnya berkaitan tapak bina (yang nampak elok tetapi apabila kerja pengorekan dijalankan maka terdapat pelbagai masalah).

Totterdill (1991) pula mengklasifikasikan pertikaian pembinaan kepada tiga kategori, iaitu berkaitan perkara-perkara atau masalah-masalah teknikal, mengenai perkara berkaitan undang-undang, dan perkara melibatkan

pengurusan pembinaan. Seterusnya, menurut Flood & Caiger (1993), pertikaian di dalam industri pembinaan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- a) kelewatan proses pembinaan, halangan-halangan yang tidak dapat dijangkakan;
- b) kelewatan pembayaran; dan
- c) masalah-masalah berkaitan aspek teknikal pembinaan.

Timbang tara merupakan salah satu alternatif penyelesaian pertikaian yang menggunakan pendekatan atau konsep kesukarelaan semua pihak yang bertikaia untuk merujuk pertikaian mereka kepada pihak ketiga yang bebas dan pakar bagi menyelesaikannya sebagai alternatif kepada litigasi di mahkamah.

Rujukan kepada timbang tara merupakan hak asasi yang di peruntukkan kepada pihak – pihak yang bertikai dalam kontrak seperti dalam peruntukan Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646). Terdapat juga peruntukan di bawah Format Seragam Kontrak PAM 98 dan JKR 203 dan JKR 203(A) berkenaan fasal timbang tara.

Format Seragam Kontrak JKR 203 dan JKR 203(A) memperuntukkan syarat-syarat untuk perjalanan kontrak pembinaan kerajaan di Malaysia. Terdapat fasal 54 dalam Format Seragam Kontrak JKR 203 dan JKR 203(A) yang menyentuh berkenaan aspek timbang tara. Secara spesifik; dalam pelaksanaan kontrak pembinaan kerajaan, pihak yang bertikai iaitu kontraktor diberi peruntukan khusus di bawah fasal 54 Format Seragam Kontrak JKR 203 dan JKR 203(A) untuk membawa pertikaian mereka ke timbang tara.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pihak-pihak yang telah menandatangani kontrak pembinaan kerajaan telah diperuntukkan penyelesaian pertikaian secara penyelesaian alternatif tunggal iaitu timbang tara melalui fasal 54 Format Seragam Kontrak JKR 203 dan JKR 203(A). Ia merupakan alternatif kepada pendakwaan.

Permasalahan yang hendak dirungkai di sini ialah berkenaan sejauhmanakah kekerapan pemakaian kaedah rujukan kepada timbang tara di dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia untuk penyelesaian pertikaian, kepentingannya, kelebihan, keberkesanannya serta masalah dan kekangan kepada pelaksanaannya dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia.

1.3 PERSOALAN KAJIAN PENYELIDIKAN

Di antara persoalan kajian yang akan cuba di selesaikan dalam kajian ini ialah:

- a) Bagaimanakah praktis dan prosedur timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia?
- b) Sejauhmanakah kekerapan pemakaian timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia?
- c) Bagaimanakah keberkesanan pemakaian timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia?

- d) Apakah kepentingan dan kelebihan pemakaian timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia?
- e) Apakah pendapat dan persepsi badan-badan yang terlibat dalam industri pembinaan di Malaysia terhadap pemakaian timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN PENYELIDIKAN

Objektif kajian dirangka untuk memastikan hala tuju penyelidikan ini adalah bertepatan dengan persoalan yang telah dikemukakan. Sehubungan dengan itu, **objektif umum** dan **objektif khusus** kajian telah ditetapkan sebagai panduan kajian penyelidikan ini.

Objektif Umum

Mengkaji pemakaian timbang tara dalam industri binaan di Malaysia dari perspektif kerajaan.

Objektif Khusus

- a) Mengenalpasti praktis dan prosedur timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia.
- b) Mengkaji sejauhmana kebolehan, kekerapan dan keberkesanan pemakaian timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia
- c) Mengenalpasti kepentingan dan kelebihan proses timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia.

- d) Mengenalpasti permasalahan dan halangan yang timbul daripada proses timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia.
- c) Mengkaji pendapat dan persepsi pihak-pihak dalam projek pembinaan terhadap pemakaian timbang tara dalam industri binaan dari perspektif kerajaan di Malaysia.

1.5 SKOP KAJIAN PENYELIDIKAN

Kajian ini hanya melibatkan skop kajian terhadap tiga (3) badan kerajaan yang terlibat dalam kerajaan sahaja iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Tabung Haji Technologies (THT) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dan dalam skop kawasan Kuala Lumpur, Perak dan Selangor.

1.6 METODOLOGI KAJIAN PENYELIDIKAN

Kajian penyelidikan ini akan dijalankan melalui pendekatan **kualitatif** dan **kuantitatif**. Proses, kaedah dan metodologi telah dirancang untuk memastikan kajian penyelidikan ini dapat dijalankan dengan baik. Elemen utama dalam memastikan data yang diperolehi adalah sahih dan sempurna adalah melalui dua pencarian sumber iaitu; **data primer** dan **data sekunder**.

a) **Data primer**

Data primer juga dikenali sebagai data utama. Ia merupakan data mentah yang dikumpulkan oleh penyelidik sendiri dengan kaedah pemerhatian,

temubual dan kaji selidik . (Lau Too Kya et al, 1999). Dalam kajian ini, data primer diperolehi melalui soal selidik dan temubual. Temubual dibuat dengan badan-badan kerajaan utama yang terlibat dalam industri binaan dan para profesional dalam industri binaan.

Selain itu, terdapat sejumlah borang soal selidik diedarkan kepada responden-responden yang terlibat dalam projek pembinaan kerajaan di Malaysia.

b) Data sekunder

Data sekunder merupakan data-data yang telah dikumpulkan, diproses, disusun dan diterbitkan oleh perseorangan atau agensi-agensi (Zainal Mat Saat, 2003). Untuk kajian ini, penyelidikan dijalankan dengan meneliti buku-buku rujukan, majalah, artikel, keratan akhbar, jurnal, kertas seminar, akta dan undang-undang serta kajian literatur oleh penyelidik bertauliah yang menyentuh perkara dan isu-isu berkaitan timbang tara.

1.7 BATASAN DAN MASALAH KAJIAN

Dalam menjalankan penyelidikan ini, pelbagai masalah yang dihadapi oleh penyelidik baik di bahagian literatur atau di bahagian kajian kes yang dijalankan. Batasan dan masalah kajian meliputi aspek di bawah:

a) Sumber rujukan

Penyelidik menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat dan kajian-kajian ilmiah yang spesifik tentang timbang tara dalam konteks pemakaian di Malaysia. Selain itu kurangnya kajian kes tentangnya di Malaysia menyulitkan sedikit penulisan kerana umumnya kurangnya kes rujukan timbang tara dalam projek pembinaan kerajaan.

b) Tempoh kajian

Masa merupakan faktor utama dalam mengekang penyelidikan yang lebih terperinci. Kesukaran mendapatkan responden yang benar-benar dapat memberikan maklumat yang bertepatan dengan aspek pemakaian timbang tara berkaitan serta temujanji dengan responden soal selidik yang sering tertunda dan tidak menepati waktu pertemuan yang ditetapkan menjadi kekangan dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Cadangan pendekatan kajian dapat disimpulkan dalam bentuk carta alir seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 1.1**.

Rajah 1.1: Carta alir cadangan pendekatan kajian



BAB 2: KAJIAN LITERATUR

BAB 2:

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

2.1.1 Industri Pembinaan Secara Umum dan Timbang Tara

Industri pembinaan merupakan salah satu komponen terpenting yang dapat mempengaruhi dan memangkinkan pertumbuhan ekonomi negara. Malahan ia boleh digunakan sebagai barometer untuk mengukur prestasi ekonomi sesebuah negara. Namun di dalam persekitaran industri pembinaan yang kompleks dan terdapat banyak pihak yang memungkin terdapat banyak berlakunya konflik serta pertikaian terutamanya antara klien dan kontraktor.

Terdapat banyak kaedah untuk penyelesaian pertikaian dalam industri binaan. Di antaranya kaedah penyelesaian itu ialah perundingan, pendakwaan, mediasi, timbang tara, pengadilan, keputusan pakar, perbicaraan mini serta penyelesaian pertikaian alternatif secara hibrid (Oon, 2003).

Menurut Oon (2003) lagi, didapati bahawa selain pendakwaan di mahkamah, kaedah timbang tara merupakan kaedah alternatif yang paling popular diaplikasikan dalam industri binaan. Tambahan pula, kebanyakan syarat-syarat kontrak yang piawai seperti JKR 203 dan JKR 203(A), PAM 98 serta CIDB

(2000) memasukkan fasal pemakaian timbang tara dalam setiap piawaian syarat kontrak masing-masing.

Timbang tara adalah rujukan sesuatu perselisihan atau pertikaian kepada seseorang atau beberapa orang yang digelar penimbangtara. Rujukan kepada timbang tara merupakan suatu pilihan lain kepada guaman di mahkamah. Dengan itu jika di sebalik kes itu tidak dijatuhkan kes mahkamah, maka pihak-pihak yang berkenaan bolehlah bersetuju untuk menyerahkan kes tersebut kepada penimbangtara untuk diselesaikan. (Abdul Aziz Hussin, 1992).

Guest (1979) dalam buku Anson's Law of Contract ada menyebutkan bahawa:

Tidaklah dibantah terhadap kontrak yang mengandungi fasal bahawa setiap pertikaian atau perselisihan antar pihak-pihak hendaklah dirujuk and diselesaikan melalui timbang tara. Fasal sedemikian adalah sah dan mengikat, tetapi ia tidaklah boleh melucutkan hak kepada pihak-pihak untuk membawa sebarang persoalan undang-undang bagi ditentukan oleh mahkamah biasa.¹

Di Malaysia, peruntukan mengenai rujukan kepada timbang tara adalah seperti termaktub dalam Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646). Seksyen 9 Akta Timbang Tara 2005 mentakrif "perjanjian timbang tara" sebagai suatu perjanjian oleh pihak-pihak untuk mengemukakan kepada timbang tara semua pertikaian atau pertikaian tertentu yang telah timbul atau yang mungkin timbul antara mereka

berkenaan dengan hubungan di sisi undang-undang yang ditetapkan.

Kebanyakan perjanjian kontrak binaan di Malaysia, biasanya memasukkan satu fasal di dalamnya yang menyebut bahawa jika ada pertikaian atau perselisihan faham antara pihak-pihak dalam perjanjian maka rujukan dibuat kepada timbang tara. Begitu juga dalam perjanjian perkongsian, biasanya fasal yang serupa akan dimasukkan. Fasal dalam perjanjian mungkin memperuntukkan perlantikan seorang penimbangtara atau dua orang penimbangtara iaitu seorang dari setiap pihak yang bertelingkah.

Selain rujukan timbang tara melalui persetujuan kedua-dua pihak, rujukan timbang tara juga dibuat apabila Mahkamah Tinggi memerintahkannya mengikut kuatkuasa Seksyen 10 Akta Timbang Tara, iaitu apabila mana-mana pihak yang bertikai memohon kepada Mahkamah Tinggi kerana adanya persetujuan timbang tara. Mahkamah Tinggi juga boleh mengarah rujukan kepada timbang tara bagi merujuk isu interplider di bawah Seksyen 11 Akta Timbang Tara.

Jadi, rentetan daripada kenyataan di atas; penyelidikan ini akan mengupas berkenaan isu timbang tara dalam industri pembinaan di Malaysia khususnya dari persektif kerajaan.

2.1.2 Kaedah Penyelesaian Konflik Dalam Industri Pembinaan

2.1.2.1 Pendakwaan di Mahkamah

Satu kaedah menyelesaikan pertikaian dengan membawa kes yang dipertikaikan ke mahkamah untuk mendapatkan keputusan, award dan penguatkuasaan mahkamah. (Oon, 2003)

2.1.2.2 Perundingan

Kaedah menyelesaikan pertikaian secara kata sepakat apabila kedua-dua pihak bertikai duduk bersama dan berbincang secara matang dalam satu mesyuarat atau perjumpaan untuk mendapatkan penyelesaian terhadap apa yang dipertikaikan.

2.1.2.3 Mediasi

Merupakan proses fasilitasi yang mana pihak-pihak bertikai bersetuju untuk meminta bantuan orang ketiga yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan iaitu 'mediator' untuk membantu mereka mencapai resolusi dalam pertikaian mereka.

2.1.2.4 Pemutusan oleh Badan Kehakiman (Adjudikasi)

Satu proses penyelesaian pertikaian yang tidak memerlukan pihak-pihak bertikai untuk menunggu sehingga penyediaan kerja untuk mengajukan penyelesaian pertikaian, tidak seperti kaedah penyelesaian pertikaian yang lain. Terdapat dua

(2) jenis kaedah Pemutusan oleh Badan Kehakiman iaitu: secara penetapan undang-undang dan secara penetapan kontrak.

Kegunaan secara penetapan undang-undang adalah untuk sebelum sesuatu pihak mengajukan sesuatu pertikaian kepada timbang tara manakala secara penetapan kontrak adalah beroperasi seperti secara penetapan undang-undang kecuali hakim pengendali mempunyai kuasa hasil persetujuan antara dua pihak.

2.1.2.5 Keputusan Pakar

Kaedah resolusi pertikaian ini adalah setiap pihak akan bersetuju secara bersama untuk merujuk pertikaian kepada seorang pakar untuk satu keputusan penyelesaian. Keputusan pakar tersebut adalah sebagai keputusan muktamad dan mengikat antara pihak-pihak. Pakar tersebut selalunya akan memeriksa dan menilai dokumen bertulis yang dihantar oleh setiap pihak yang mengandungi segala fakta dan bukti-bukti kes. Setelah penilaian dibuat, barulah keputusan akhir akan dibuat oleh pakar tersebut.

2.1.2.6 Perbicaraan Mini

Walaupun dinamakan sebagai perbicaraan tetapi sebenarnya ia lebih kepada bentuk konferen. Ia merupakan satu tribunal ditubuhkan oleh eksekutif senior daripada kedua-dua pihak. Setiap pihak akan mempersembahkan isu dan pada pertama kali eksekutif senior akan dibantu oleh pengerusi yang berkecuali. Pengerusi tersebut biasanya ialah pakar yang dihormati dan akan memberikan nasihat sama keadaan seperti pertikaian itu dibawa kepada tribunal timbang tara

atau ke mahkamah. Satu sela masa akan diberikan kepada setiap pihak untuk mempersembahkan isu yang dihadkan kepanjangannya. Perbicaraan bergantung kepada pengerusi yang berkecuali yang akan memfasilitasi setiap pihak dalam perbicaraan dan mengkaji setiap kelebihan dan kelemahan posisi setiap pihak. Pihak-pihak boleh membuat perundingan untuk mendapatkan penyelesaian akhir selepas itu.

2.1.2.7 Hibrid Resolusi Pertikaian Alternatif (HRPA)

Ia merupakan gabungan atau kombinasi kaedah Resolusi Pertikaian Alternatif. Sebagai contoh, kaedah timbang tara boleh di buat dengan gabungan kaedah mediasi untuk menyelesaikan pertikaian pihak-pihak dalam kontrak pembinaan untuk mencapai kepuasan, lebih ekonomi, lebih adil dan lebih cepat penyelesaiannya. Kombinasi kaedah penyelesaian pertikaian adalah digalakkan juga.

2.1.2.8 Badan Penilaian Pertikaian (BPP)

Badan Penilaian Pertikaian (BPP) adalah dianggotai oleh eksekutif senior daripada klien dan kontraktor dalam projek dan juga pihak ketiga. BPP ditubuhkan dan dikekalkan sepanjang jangkamasa projek. Ahli-ahli BPP kerap bertemu untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan projek dan untuk membincangkan atau mempertimbangkan sebarang isu yang timbul. Sebarang isu atau masalah sepanjang jangkamasa projek akan diselesai melalui badan ini. Pihak ketiga pula adalah seseorang yang berkecuali, bebas memberikan

pandangan, pakar dalam kaedah mediasi, timbang tara dan tentunya dalam industri binaan.

Sistem BPP ini adalah salah satu contoh sistem hibrid dan sekiranya setiap pihak bersetuju, satu keputusan yang mengikat secara undang-undang boleh dibuat oleh pihak ketiga.

Satu kritikan terhadap sistem ini adalah ia mungkin boleh memperkecilkan posisi dan kuasa Arkitek, Jurutera atau Pegawai Penguasa yang diiktiraf di bawah kontrak.

2.1.2.9 Penasihat Resolusi Pertikaian (PRP)

Kaedah ini adalah berlainan daripada BPP dan dibangunkan di Hong Kong. PRP ditubuhkan di permulaan projek lagi dengan persetujuan bersama klien dan kontraktor. Ahli-ahli PRP seperti Ahli-ahli BPP akan membuat lawatan tapak yang kerap dan membuat mesyuarat dengan ahli pasukan projek seperti Arkitek, Jurutera dan pekerja-pekerja dan cuba menyelesaikan sebarang pertikaian yang mungkin timbul dengan kaedah perundingan yang baik. Jika perundingan gagal, PRP akan menyediakan laporan dan menyarankan pihak-pihak bertikai penyelesaian yang terbaik. Eksekutif senior kemudian akan memeriksa laporan dan cuba untuk membuat penyelesaian terhadap pertikaian ini dan jika gagal juga, pihak-pihak akan membuat rujukan kepada timbang tara.

Didapati PRP ini merupakan satu lagi sistem hibrid resolusi pertikaian yang fokusnya kepada gabungan sistem pencegahan pertikaian dan juga penyelesaian pertikaian dan dikenali juga sebagai sistem perkongsian.

2.2 DEFINISI TIMBANG TARA

Timbang tara merupakan satu proses formal pihak-pihak bertikai untuk mendapatkan penyelesaian pertikaian sebelum membawanya ke pendakwaan di mahkamah (Lord- Smith, 1980)

Menurut Powell-Smith, Sims dan Dancaster (1998), timbang tara merupakan merupakan proses di mana pihak yang bertikai bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian mereka dengan merujuk kepada pihak ketiga dan terikat kepada persetujuan bersama yang dicapai. Persetujuan ini mungkin dicapai dimasukkan ke dalam syarat kontrak. Pihak ketiga yang dipilih mungkin daripada persetujuan kedua-dua pihak atau mungkin dilantik oleh seseorang yang dinamakan dalam perjanjian kontrak yang ditugaskan membawa peranan tersebut.

Dalam kes *Arenson v. Arenson*, Lord Wheatley (1977), ada memberikan takrifan yang khusus berkenaan Timbang tara:

“ (a) terdapat pertikaian atau kelainan antara pihak-pihak yang mana telah diformulasi antara satu sama lain; (b) pertikaian atau kelainan tersebut telah dibidanguasakan oleh pihak-pihak tersebut kepada seseorang (contoh: penimbangtara) untuk menyelesaikannya secara baik; (c) di mana bersesuaian, pihak-pihak diberi peluang menyediakan bukti dan/atau sebarang penyerahan untuk menyokong tuntutan terhadap

pertikaian mereka; dan (d) pihak-pihak perlu bersetuju untuk menerima keputusan.”

2.3 DEFINISI PENIMBANGTARA

Penimbangtara merupakan seorang hakim persendirian yang amat istimewa antara dua pihak yang dipilih dengan kesepakatan bersama untuk menyelesaikan kontroversi antara mereka. Penimbangtara mempunyai kuasa penimbangtaraan untuk menjadi pemerhati untuk perjanjian timbang tara dan memastikan perjanjian yang dimeterai tersebut dipatuhi. (Lord-Smith, 1980)

2.4 TIMBANG TARA DALAM FORMAT SERAGAM KONTRAK JKR 203 DAN JKR 203(A)

Format Seragam Kontrak JKR 203 dan JKR 203(A) adalah terpakai dalam mengendalikan kontrak pembinaan kerajaan. Di dalam fasal 54 Format Seragam Kontrak tersebut telah di masukkan aspek timbang tara bagi tujuan penyelesaian pertikaian khusus antara klien (kerajaan) dan kontraktor.

Penerangan berkenaan fasal-fasal dalam fasal 54 berkenaan timbang tara diperincikan di bawah (Fasal 54(a)-54(i)):

- Sebarang pertikaian yang berbangkit antara kerajaan(klien) dalam kontrak semasa atau selepas kontrak, selepas penamatan kerja kontraktor atau apabila berlaku pecah Kontrak berkenaan apa-apa perkara di bawah Kontrak; maka ia boleh dirujuk kepada Pegawai Penguasa untuk mendapatkan sebarang keputusan. **(Fasal 54(a))**

- Sebarang keputusan Pegawai Penguasa hendaklah secara bertulis dan akan mengikat pihak-pihak kepada Kontrak sehingga kerja siap. **(Fasal 54(b))**
- Kontraktor boleh membuat rujukan kepada timbang tara jika Pegawai Penguasa tidak memberikan keputusan terhadap pengaduan tentang pertikaian selepas 45 hari dari tarikh pengaduan atau jika kontraktor tidak berpuas dengan keputusan Pegawai Penguasa tersebut. Pertikaian tersebut perlu dirujuk kepada seseorang yang dipersetujui di antara pihak-pihak dalam Kontrak iaitu disebut penimbangtara. Proses timbang tara tersebut perlu diadakan di Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur dengan menggunakan kemudahan serta bantuan yang sedia ada di pusat tersebut. **(Fasal 54(c))**
- Rujukan kepada timbang tara tidak boleh dimulakan sehingga selepas penyiapan kerja atau penamatan/peninggalan kerja oleh kontraktor melainkan dengan persetujuan bertulis antara kerajaan dan kontraktor serta pengecualian juga terhadap mengenai perselisihan atau pertikaian di bawah fasal 52 syarat-syarat Kontrak. **(Fasal 54(d))**
- Kuasa timbang tara adalah untuk 1) mengkaji dan meyemak mana-mana perakuan, pendapat, keputusan, permintaan atau notis; dan 2) menentukan semua perkara yang menjadi pertikaian. **(Fasal 54(e))**

- Berkenaan kos dan award terhadap sebarang Timbang tara, Penimbangtara boleh menentukan amaun itu mengikut budi bicaranya atau mengarahkan amaun tersebut dikenakan cukai mengikut kadar antara peguamara dan pelanggan atau mengikut kadar suatu pihak guaman dengan satu pihak guaman yang lain serta hendaklah mengarahkan oleh siapa dan kepada siapa dan bagaimana caranya amaun tersebut perlu dipertanggungkan dan dibayar. **(Fasal 54(f))**
- Award yang diputuskan oleh penimbangtara adalah muktamad. **(Fasal 54(g))**
- Sekiranya dalam hal penimbangtara yang dilantik tersebut meninggal dunia atau dia tidak sanggup/ tidak berupaya bertindak, maka Kerajaan dan Kontraktor atas persetujuan bersama hendaklah melantik orang lain untuk bertindak sebagai penimbangtara. Sekiranya pula tiada persetujuan bersama antara Kerajaan dan Kontraktor atas perantikan penimbangtara berkenaan, seorang penimbangtara hendaklah dilantik oleh orang yang dinamakan dalam Lampiran Syarat-syarat Kontrak Format Seragam Kontrak JKR 203 dan JKR 203(A) . **(Fasal 54(h))**
- Dalam syarat kontrak JKR 203(A), rujukan kepada timbang tara hendaklah dalam skop Akta Timbang Tara 2005 (Pindaan) **(Fasal 54(i))**

2.5 TIMBANG TARA DALAM AKTA TIMBANG TARA 2005 (AKTA 646)

Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646) merupakan suatu akta untuk memperbaharui undang-undang yang berhubungan dengan Timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan award dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ia mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2006 dan dengan itu Akta Timbang Tara 1952 [Akta 93] dan Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbang tara Asing 1985 [Akta 320] dimansuhkan. Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia (Seksyen 3 Akta Timbang Tara 2005) dan diperbuat di Parlimen Malaysia.

Tujuan akta ini digubal adalah untuk menyediakan segala hal ehwal berkenaan dengan timbang tara seperti rujukan timbang tara, hal-hal mengenai penimbangtara dan wasit, perjalanan prosiding, hal ehwal berkaitan award termasuk penremitan dan pengeneplan award dan penguatkuasaan award.

Akta ini mempunyai lima puluh satu (51) Seksyen yang dibahagikan kepada empat (4) bahagian.

- **Bahagian 1** merupakan **Permulaan** yang terdiri daripada seksyen 1 hingga seksyen 5.
- **Bahagian 2** terdiri daripada bahagian **Timbang Tara** yang terdiri daripada seksyen 6 hingga seksyen 39.
- **Bahagian 3** terdiri daripada bahagian **Peruntukan Tambahan yang Berhubungan dengan Timbang Tara** yang terdiri daripada seksyen 40 hingga seksyen 46.

- **Bahagian 4** terdiri daripada bahagian **Pelbagai** yang terdiri daripada seksyen 41 hingga seksyen 51.

2.6 PRAKTIS DAN PROSEDUR TIMBANG TARA DI MALAYSIA

Panduan tentang praktis dan prosedur timbang tara yang terpakai di Malaysia diterangkan dalam Akta Timbang Tara 2005. Di bawah ini diperincikan praktis dan prosedurnya:

2.6.1 Perjanjian Timbang Tara

Seksyen 9 Akta Timbang Tara 2005 telah menjelaskan berkenaan takrif dan bentuk perjanjian timbang tara. Perjanjian timbang tara bererti suatu perjanjian oleh pihak-pihak untuk mengemukakan kepada timbang tara semua pertikaian atau pertikaian tertentu yang telah timbul atau yang mungkin timbul antara mereka berkenaan dengan hubungan di sisi undang-undang yang ditetapkan, sama ada kontraktual atau tidak.

Suatu perjanjian timbang tara boleh berupa dalam bentuk suatu fasal timbang tara dalam suatu perjanjian atau dalam bentuk suatu perjanjian yang berasingan. Perjanjian Timbang Tara hendaklah secara bertulis. Suatu perjanjian timbang tara adalah secara bertulis jika perjanjian itu terkandung dalam suatu dokumen yang ditandatangani oleh pihak-pihak; suatu pertukaran surat, teleks, faksimili atau cara komunikasi yang lain yang memperuntukkan suatu rekod perjanjian itu; atau suatu pertukaran pernyataan tuntutan dan pembelaan yang dalamnya

kewujudan suatu perjanjian dikatakan oleh satu pihak dan tidak dinafikan oleh pihak yang satu lagi.

Sebutan dalam suatu perjanjian mengenai suatu dokumen yang mengandungi fasal timbang tara hendaklah menjadi suatu perjanjian timbang tara, dengan syarat bahawa perjanjian itu adalah secara bertulis dan sebutan itu adalah yang sedemikian untuk menjadikan fasal itu sebahagian daripada perjanjian itu.

Seksyen 10 pula memperincikan perjanjian timbang tara dan tuntutan substantif di hadapan mahkamah. Mahkamah yang di hadapannya prosiding dibawa berkenaan dengan suatu perkara yang menjadi subjek suatu perjanjian timbang tara hendaklah, jika suatu pihak membuat permohonan sebelum mengambil apa-apa langkah lain dalam prosiding itu, menggantung prosiding itu dan merujuk pihak-pihak itu kepada timbang tara melainkan jika mahkamah itu mendapati bahawa perjanjian itu adalah batal dan tidak sah, tidak berkuat kuasa atau tidak berupaya untuk dilaksanakan; atau bahawa pada hakikatnya tiada pertikaian antara pihak-pihak itu berhubung dengan perkara yang hendak dirujuk.

Mahkamah, dalam membenarkan suatu penggantungan prosiding boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut. Jika prosiding telah dibawa, prosiding timbang tara boleh dimulakan atau diteruskan, dan suatu award boleh dibuat, sementara isu itu belum selesai di hadapan mahkamah.

Seksyen 11 pula akan memperincikan Perjanjian Timbang Tara dan langkah interim oleh Mahkamah Tinggi. Suatu pihak boleh, sebelum atau semasa prosiding Timbang tara, memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk

mendapatkan apa-apa langkah interim dan Mahkamah Tinggi boleh, membuat perintah yang berikut bagi jaminan kos; penzahiran dokumen dan interogatori; pemberian keterangan melalui affidavit; pelantikan seorang penerima; menjamin amaun dalam pertikaian; pemeliharaan, jagaan interim atau penjualan apa-apa harta yang menjadi hal perkara pertikaian itu; memastikan bahawa apa-apa award yang dibuat dalam prosiding timbang tara tidak dijadikan tidak berkesan melalui pelepasan aset oleh suatu pihak; dan suatu injunksi interim atau apa-apa langkah interim yang lain.

Jika suatu pihak memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan apa-apa langkah interim dan suatu tribunal timbang tara telah membuat keputusan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan permohonan itu, Mahkamah Tinggi hendaklah menganggap apa-apa dapatan fakta yang dibuat dalam perjalanan keputusan itu oleh tribunal timbang tara itu sebagai muktamad bagi maksud permohonan itu.

2.6.2 Pelantikan Penimbangtara

Seksyen 13 Akta Timbang Tara 2005 telah memperincikan berkenaan pelantikan penimbangtara seperti akan diterangkan selepas ini.

Pihak-pihak bertikai dalam kontrak adalah bebas untuk bersetuju mengenai tatacara melantik penimbangtara atau penimbangtara pengerusi. Jika pihak-pihak gagal bersetuju mengenai tatacara yang disebut dan timbang tara itu terdiri daripada tiga orang penimbangtara, setiap pihak hendaklah melantik seorang